

DISKUSI *FIQH* DALAM KARYA *AL-TIBB AL-NABAWI* KARANGAN IBN QAYYIM AL-JAUZIYYAH: SUATU TINJAUAN

Muhammad Akmalludin Mohd Hamdanⁱ, Syed Mohamad Zainudin Bichk Koyakⁱⁱ, Ahmad
Salahuddin M Azizanⁱⁱⁱ

ⁱFakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Emel:
akmalludin@usim.edu.my

ⁱⁱFakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor. Emel:
syedmohamad@uis.edu.my

ⁱⁱⁱFakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Open University Malaysia. Emel:
salahuddin_azizan@oum.edu.my

ABSTRAK

Al-tibb al-nabawi merujuk kepada himpunan hadis yang disandarkan kepada Rasulullah ﷺ serta mempunyai perkaitan dengan perubatan dan isu kesihatan. Para ilmuwan yang menghasilkan karya genre *al-tibb al-nabawi* ini kebiasaannya mempamerkan pelbagai bentuk stail penulisan yang berbeza-beza. Dalam sebahagian karya, para ilmuwan hanya menghimpunkan hadis-hadis ini secara ringkas atau menyeluruh. Terdapat juga sebahagian yang menyertakan komentar perubatan klasik atau moden bersama hadis yang dihimpunkan. Ibn Qayyim al-Jauziyyah merupakan salah seorang tokoh yang turut menghasilkan karya himpunan hadis berkaitan genre ini. Unikinya, beliau dilihat memasukkan elemen perbincangan *fiqh* ketika berinteraksi dengan hadis-hadis *al-tibb al-nabawi*. Hal ini amat jarang ditemui dalam karya *al-tibb al-nabawi* yang lain. Artikel ini ditulis dengan tujuan memaparkan keserjanaan Ibn Qayyim al-Jauziyyah dalam mengekstrak isu-isu *fiqh* melalui hadis-hadis *al-tibb al-nabawi* yang telah beliau himpunkan. Kajian dilaksanakan menerusi kajian kualitatif yang menggunakan analisis dokumen dan observasi sebagai metode pengumpulan data. Hasil kajian mendapati bahawa Ibn Qayyim al-Jauziyyah mengetengahkan perbincangan *fiqh* yang ringkas dalam karya *Al-Tibb Al-Nabawi* tanpa membawa diskusi *fiqh* yang terlalu kompleks. Meskipun begitu, beliau masih membentangkan perbezaan pandangan para ilmuwan dalam isu *fiqh* tertentu dan memilih pandangan yang tepat (*tarjih*) menurut hemat beliau.

Kata-kata kunci: al-Tibb al-Nabawi; Diskusi Fiqh; Ibn Qayyim al-Jauziyyah

PENGENALAN

Istilah *al-tibb al-nabawi* terdiri daripada dua perkataan asas iaitu *al-tibb* yang bermakna perubatan dan *al-nabawi* atau *al-nubuwwah* yang bermakna kenabian. Justeru, secara umumnya *al-tibb al-nabawi* boleh difahami sebagai perkara yang disandarkan kepada Rasulullah ﷺ dan mempunyai perkaitan dengan bab perubatan dan kesihatan. Berdasarkan pemerhatian penulis, para ilmuwan pada kurun awal tidak meletakkan sebarang definisi khusus bagi istilah *al-tibb al-nabawi*, meskipun mereka telah pun menghasilkan karya himpunan hadith dengan judul sedemikian. Sebaliknya, para ilmuwan pada kurun akhir dan moden pula dilihat meletakkan definisi-definisi tertentu bagi istilah ini (Mohd Hamdan, 2021). Antara definisi yang dikemukakan ialah: “Himpunan sesuatu yang pasti datangnya daripada Rasulullah ﷺ, yang

mempunyai perkaitan dengan bab perubatan, sama ada ayat-ayat Al-Quran atau hadith-hadith nabi yang mulia” (Al-Nasimi, 1984).

Terdapat pelbagai karya *al-tibb al-nabawi* yang telah dihasilkan oleh para ilmuwan bermula daripada kurun ketiga hijrah sehingga zaman moden. Tujuan karya ini dihasilkan adalah untuk menghimpunkan hadis-hadis Rasulullah ﷺ yang mempunyai kaitan dengan perubatan dan penjagaan kesihatan. Jika diperhalusi daripada aspek sejarah, karya *al-tibb al-nabawi* yang pertama dihasilkan ialah karya *Tibb al-Rida* atau *al-Risalah al-Dhahabiyyah* yang ditulis oleh Imam ‘Ali al-Rida (203H) pada kurun ketiga hijrah, atas permintaan khalifah ‘Abbasiyyah pada ketika itu bernama al-Makmun (Al-Bar, 1992). Selepas karya ini dihasilkan, sejarah Islam dapat menyaksikan penulisan karya *al-tibb al-nabawi* berkembang dengan trend penulisan yang berbeza-beza, seperti himpunan hadis secara ringkas atau menyeluruh, ringkasan terhadap himpunan menyeluruh dan melengkapkan himpunan hadis dengan komentar perubatan klasik atau moden (Mohd Hamdan et al., 2023)

Meskipun begitu, karya-karya ini dilihat tidak memberikan fokus yang khusus terhadap isu-isu fiqh yang melatari hadis-hadis *al-tibb al-nabawi* yang dihimpunkan, walaupun terdapat pelbagai hadis dalam genre ini yang mengandungi unsur fiqh secara tidak langsung. Berdasarkan pemerhatian terhadap karya-karya *al-tibb al-nabawi*, Ibn Qayyim al-Jauziyyah melalui karyanya “*Al-Tibb Al-Nabawi*” dilihat memberikan fokus terhadap aspek ini meskipun tidak begitu diberikan penekanan oleh penulis-penulis *al-tibb al-nabawi* yang lain. Justeru, artikel ini ditulis dengan tujuan memaparkan kesarjanaan Ibn Qayyim al-Jauziyyah dalam mengekstrak isu-isu *fiqh* melalui hadis-hadis *al-tibb al-nabawi* yang telah beliau himpunkan dalam karyanya. Di samping paparan perbincangan fiqh yang diketengahkan dalam sebahagian komentar terhadap hadis-hadis *al-tibb al-nabawi*, kajian ini juga diharapkan mampu menyingkap kaedah pemahaman dalil yang diutarakan oleh Ibn Qayyim al-Jauziyyah, serta keterikatan atau kebebasan beliau terhadap mazhab tertentu dalam proses memilih pandangan yang paling tepat menurut hemat beliau.

SKOP DAN METODOLOGI KAJIAN

Karya-karya *al-tibb al-nabawi* secara umumnya memberikan fokus terhadap isu-isu perubatan dan kesihatan yang dipaparkan melalui hadis-hadis Rasulullah ﷺ. Karya seperti *Tibb al-‘Arab* (2007) oleh Ibn Habib dan *Mukhtasar Al-Tibb al-Nabawi* (2016) oleh Ibn al-Sunni mengemukakan hadis ini dalam himpunan yang amat ringkas selaku mukadimah kepada pembaca. Bermula kurun kelima hijrah, Abu Nu’aim al-Ashbahani menghasilkan karyanya (2006) dengan tujuan menghimpunkan hadis-hadis *al-tibb al-nabawi* secara menyeluruh. Himpunan menyeluruh ini memangkin lebih ramai ilmuwan untuk menghasilkan karya *al-tibb al-nabawi* dengan versi yang pelbagai, terutamanya dengan memuatkan dapatan perubatan klasik dan moden berdasarkan capaian ilmu perubatan pada zaman masing-masing. Ibn Qayyim al-Jauziyyah merupakan seorang ilmuwan pada kurun kelapan yang tidak ketinggalan daripada menghasilkan karya *al-tibb al-nabawi*. Uniknyanya, beliau dilihat memasukkan elemen perbincangan *fiqh* ketika berinteraksi dengan hadis-hadis *al-tibb al-nabawi*. Hal ini amat jarang ditemui dalam karya *al-tibb al-nabawi* yang lain. Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengetengahkan kesarjanaan Ibn Qayyim al-Jauziyyah dalam mengekstrak isu-isu *fiqh* melalui hadis-hadis *al-tibb al-nabawi* yang telah beliau himpunkan dalam karyanya.

Skop kajian ini hanya terhad kepada karyanya berjudul “*Al-Tibb Al-Nabawi*” kerana karya ini dihasilkan secara khusus untuk mengumpulkan hal ehwal perubatan dan kesihatan yang dipaparkan oleh Rasulullah ﷺ melalui hadis. Diskusi *fiqh* yang dikemukakan oleh Ibn Qayyim al-Jauziyyah dalam karya ini juga dikecilkan kepada tiga isu *fiqh* terpilih yang didapati memadai bagi menzahirkan kesarjanaan Ibn Qayyim al-Jauziyyah dalam bidang ini. Isu yang dipilih juga merupakan isu yang diperselisahi hukumnya dalam kalangan sarjana *fiqh*, bagi memaparkan pandangan yang dipilih oleh Ibn Qayyim al-Jauziyyah pada isu yang dibincangkan. Di samping itu, perbandingan akan dilakukan antara pandangan terpilih Ibn Qayyim al-Jauziyyah dengan karya-karya *fiqh* empat mazhab tertentu, bagi menyimpulkan kesejajaran pandangan terpilih beliau dengan mana-mana mazhab yang muktabar atau tidak, serta memaparkan keterikatan atau kebebasan *tarjih fiqhi* beliau berdasarkan pemahaman terhadap hadis-hadis *al-tibb al-nabawi*.

LATAR BELAKANG KARYA *AL-TIBB AL-NABAWI* KARANGAN IBN QAYYIM AL-JAUZIYYAH

Karya “*Al-Tibb al-Nabawi*” merupakan sebahagian daripada karya agung Ibn Qayyim al-Jauziyyah yang lebih luas, iaitu *Zad al-Ma'ad fi Hady Khayr al-'Ibad* (1996). Karya ini menyentuh aspek kehidupan Rasulullah ﷺ yang menjadi panduan bagi umat Islam dalam pelbagai aspek kehidupan. Bahagian keempat karya ini dikhususkan oleh Ibn Qayyim al-Jauziyyah untuk membicarakan aspek perubatan dalam sunnah Rasulullah ﷺ, yang dikenali sebagai *al-tibb al-nabawi* (Azizian, 2023). Penulisan beliau bertujuan untuk menggariskan keistimewaan dan hikmah yang terkandung dalam panduan perubatan Rasulullah ﷺ. Menurut Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *al-tibb al-nabawi* sering kali melampaui kemampuan pemikiran manusia biasa, bahkan para doktor pada zamannya (Atabik, 2023).

Dalam pengenalan kepada bab ini, Ibn Qayyim al-Jauziyyah menjelaskan bahawa beliau telah mengupas secara umum panduan Rasulullah ﷺ dalam aspek ketenteraan, sejarah, dan diplomasi, termasuk surat-surat yang dihantar baginda kepada raja-raja dan wakil-wakil mereka. Ibn Qayyim al-Jauziyyah kemudian melanjutkan perbincangan tersebut dengan meneliti panduan perubatan Rasulullah ﷺ, baik yang baginda amalkan untuk diri sendiri mahupun yang disarankan kepada orang lain. Menurut beliau, nasihat perubatan Nabi ﷺ mengandungi kebijaksanaan yang mendalam, yang sukar dicapai oleh kebanyakan doktor pada zamannya. Beliau bahkan membuat perbandingan antara perubatan Nabi ﷺ dan perubatan konvensional ketika itu, menyatakan bahawa perbezaannya adalah seperti perbezaan antara perubatan orang tua yang bersifat tradisional dengan perubatan moden (Al-Jauziyyah, n.d.)

Struktur karya “*Al-Tibb Al-Nabawi*” diatur dalam bentuk bab-bab berturutan, yang kebanyakannya dimulakan dengan penjelasan hadis-hadis berkaitan perubatan. Walaupun begitu, Ibn Qayyim al-Jauziyyah tidak mengikuti tema atau susunan topik yang ketat. Terdapat bab-bab yang membincangkan perubatan pencegahan pada awalnya, diikuti dengan perbincangan mengenai perubatan rawatan, dan kemudian kembali kepada perbincangan tentang pencegahan. Ini mencerminkan pendekatan Rasulullah ﷺ yang holistik dalam bidang kesihatan, yang tidak hanya memberi tumpuan kepada rawatan penyakit, tetapi juga kepada penjagaan kesihatan dan pencegahan penyakit dari awal (Mohd Hamdan, 2021).

Penulisan ini memperlihatkan Ibn Qayyim al-Jauziyyah sebagai seorang ilmuwan yang berusaha untuk menghubungkan panduan sunnah Rasulullah ﷺ dengan ilmu perubatan. Beliau

memulakan perbincangan dengan menyentuh tentang dua jenis penyakit, iaitu penyakit fizikal dan penyakit rohani, dan mengaitkannya dengan ayat-ayat Al-Quran. Pada akhir karya “*Al-Tibb al-Nabawi*”, Ibn Qayyim al-Jauziyyah menegaskan kelebihan perubatan Nabi ﷺ berbanding dengan perubatan lain yang diamalkan oleh masyarakat pada zamannya. Beliau mengakhiri kitab tersebut dengan penegasan bahawa hanya mereka yang memiliki pemahaman mendalam, ketajaman fikiran, dan ilmu yang luas akan dapat menghargai rahsia dan kebijaksanaan yang terkandung dalam perubatan Nabi ﷺ (Mohd Hamdan, 2021).

DISKUSI FIQH DALAM KARYA AL-TIBB AL-NABAWI KARANGAN IBN QAYYIM AL-JAUZIYYAH

Kesucian air kencing haiwan yang dimakan dagingnya:

Dalam subtopik yang membincangkan berkenaan rawatan penyakit *al-istisqa'*, Ibn Qayyim al-Jauziyyah mengemukakan sebuah hadis riwayat Anas bin Malik RA, bahawa sekumpulan orang dari kabilah 'Urainah datang ke Madinah dan mereka jatuh sakit. Nabi ﷺ memerintahkan mereka untuk pergi ke kawanan unta betina yang diperah susunya untuk minum air kencing serta susu unta sebagai ubat. Apabila mereka sembuh, mereka membunuh pengembala dan melarikan unta-unta tersebut. Berita ini sampai kepada Nabi ﷺ pada awal pagi, lalu baginda menghantar beberapa orang untuk mengejar mereka. Mereka ditangkap serta dibawa kepada Nabi ﷺ sebelum tengah hari. Sebagai hukuman, baginda memerintahkan agar tangan dan kaki mereka dipotong, mata mereka dicucuk dengan besi panas serta mereka dilemparkan di Al-Harrah. Ketika mereka meminta air untuk diminum, mereka tidak diberikan air (Abū 'Abdullāh Muḥammad ibn Ismā'īl & Al-Bukhārī, 2002). Penyakit yang dihadapi kabilah 'Urainah ini ialah *al-istisqa'* (*dropsy*). Hal ini berdasarkan riwayat Ahmad, mereka berkata: “Perut kami membesar...” (Ibn Hanbal, 2001).

Selepas membincangkan berkenaan penyakit *al-istisqa'* dan keberkesanan susu dan kencing unta dalam rawatan penyakit tersebut, Ibn Qayyim al-Jauziyyah mengakhiri perbincangan dengan diskusi fiqh yang ringkas. Kata beliau: “Pada kisah ini terdapat dalil (galakan) berubat dan dalil **kesucian air kencing haiwan yang dimakan dagingnya**. Hal ini kerana berubat dengan unsur haram ialah tidak diharuskan. Meskipun begitu, mereka tidak diarahkan untuk membasuh mulut mereka atau pakaian mereka yang terkena kencing tersebut untuk solat, walaupun ketika itu mereka baharu sahaja memeluk Islam. (Kaedah menyebut): menangguk penerangan ketika diperlukan ialah tidak diharuskan.” (Al-Jauziyyah, n.d.).

Berdasarkan kenyataan ini, Ibn Qayyim al-Jauziyyah dilihat menghukum suci air kencing haiwan yang dimakan dagingnya dengan hujah tiada arahan menyucikan mulut dan pakaian mereka yang terkena air kencing tersebut daripada Rasulullah ﷺ. Hal ini jelas memaparkan kesuciannya secara mutlak dan bukanlah atas sebab darurat atau keperluan mendesak. Pandangan ini bertepatan dengan pandangan terpilih yang diisyaratkan oleh ilmuwan mazhab Hanbali. Kata al-Bayyumi: “(Pandangan) mazhab Hanbali memutuskan kesucian air kencing dan tahi haiwan yang dimakan dagingnya. Jika tidak, urusan akan menjadi sempit dan kepayahan akan bertambah, terutamanya dalam kalangan petani yang berinteraksi secara langsung dan berterusan dengan haiwan-haiwan ternakan.” (Al-Bayyumi, 2014). Pandangan ini juga merupakan pandangan terpilih menurut 'Ata', Malik dan Sufyan al-Thauri (Al-Mawardi, 1999), serta menyelisihi pandangan terpilih dalam mazhab Syafi'i yang

menghukum najis air kencing dan tahi haiwan keseluruhannya, sama ada dagingnya dimakan atau tidak. (Al-Mawardi, 1999; Al-Nawawi, 1991).

Berbekam membatalkan puasa:

Ketika mengulas isu berbekam, Ibn Qayyim al-Jauziyyah membahagikan perbincangan kepada beberapa subtopik utama. Beliau memulakannya dengan subtopik “Fasal: Sabda Nabi ﷺ: Sebaik-baik perkara yang kamu berubat dengannya ialah berbekam”. Kemudian, beliau memuatkan himpunan hadis yang berkait secara langsung dengan berbekam di bawah subtopik ini. Seterusnya, beliau melanjutkan perbincangan berkenaan manfaat berbekam, bahagian-bahagian di tubuh manusia yang sesuai untuk dibekam dan waktu terbaik untuk berbekam. Beliau mengakhiri perbincangan dengan diskusi fiqh ringkas yang dijudulkan dengan subtopik “Fasal: Berbekam dan berpuasa” (Al-Jauziyyah, n.d.).

Melalui subtopik ini, Ibn Qayyim al-Jauziyyah memberikan fokus terhadap hadis: “Nabi ﷺ berbekam ketika berpuasa” (Abū ‘Abdullāh Muḥammad ibn Ismā‘īl & Al-Bukhārī, 2002) yang dilihat bercanggah dengan hadis: “Orang yang membekam dan dibekam dikira telah berbuka puasa.” (Abū ‘Abdullāh Muḥammad ibn Ismā‘īl & Al-Bukhārī, 2002). Menurut hemat beliau, pandangan yang tepat ialah berbekam mengakibatkan puasa seseorang terbatal. Hal ini kerana hadis: “Orang yang membekam dan dibekam dikira telah berbuka puasa” ialah sahih sandarannya kepada Nabi ﷺ tanpa sebarang sanggahan daripada nas yang lain. Menurut beliau, nas yang menyelisihinya ialah hadis: “Nabi ﷺ berbekam ketika berpuasa” sahaja dan tidak mempunyai autoriti yang cukup untuk menafikan terbatalnya puasa seseorang dengan berbekam. Ibn Qayyim al-Jauziyyah menyenaraikan empat perkara utama yang perlu dibuktikan terlebih dahulu sebelum memutuskan bahawa berbekam tidak membatalkan puasa; pertama: Puasa yang Nabi ﷺ lakukan dan berbekam ketika menunaikannya ialah puasa fardu. Kedua: Nabi ﷺ berada dalam situasi bermukim pada ketika itu. Ketiga: Baginda ﷺ pada ketika itu tidak ditimpa sebarang penyakit sehingga memerlukan rawatan berbekam. Keempat: Hadis: “Nabi ﷺ berbekam ketika berpuasa” diriwayatkan terkemudian daripada hadis: “Orang yang membekam dan dibekam dikira telah berbuka puasa”. Jika keempat-empat perkara ini tidak dapat dibuktikan, maka tiada halangan untuk kita menafsirkan bahawa puasa yang ditunaikan oleh baginda ﷺ ialah puasa sunat, justeru diharuskan untuk membatalkannya dengan berbekam dan selainnya, atau puasa fardu namun baginda ﷺ ketika itu sedang bermusafir, atau puasa fardu dalam keadaan bermukim namun terdapat keperluan untuk berbekam seperti penyakit dan lain-lain lagi. Beliau juga menegaskan bahawa hadis: “Orang yang membekam dan dibekam dikira telah berbuka puasa” ialah nukilan yang terkemudian, maka hendaklah berpegang padanya (Al-Jauziyyah, n.d.).

Pandangan terpilih menurut Ibn Qayyim al-Jauziyyah ini dilihat sejajar dengan pandangan mazhab Hanbali yang memutuskan bahawa berbekam membatalkan puasa seseorang. Kata Ibn Qudamah: “Sesungguhnya bekam membatalkan puasa bagi orang yang membekam dan orang yang dibekam. Pendapat ini dipegang oleh Ishaq, Ibn al-Mundhir, dan Muhammad bin Ishaq bin Khuzaimah. Ia juga merupakan pendapat 'Aṭā' dan 'Abd al-Raḥmān bin Maḥdī. Al-Hasan, Masruq, dan Ibn Sirin berpendapat bahawa tidak sepatutnya seseorang yang berpuasa melakukan bekam. Sementara itu, sekumpulan sahabat melakukan bekam pada waktu malam semasa berpuasa, antaranya Ibn 'Umar, Ibn 'Abbās, Abu Mūsā, dan Anas bin Mālik.” (Al-Maqdisi, 1997). Pandangan ini menyelisihi apa yang telah diputuskan oleh mazhab

Syafi'i yang memandang bahawa berbekam tidak membatalkan puasa sebagai mana *al-fashd* (*bloodletting*) yang juga tidak membatalkan puasa (Al-Syarbini, 1958).

Keumuman rukhsah dalam keharusan penggunaan sutera buat lelaki atas keperluan tertentu:

Ibn Qayyim al-Jauziyyah menjelaskan isu ini dengan mengelaskannya kepada topik rawatan penyakit gatal dan kutu berdasarkan hadis Rasulullah. Kemudian beliau membawakan hadis yang diriwayatkan oleh Muslim di dalam Shahihnya (1955), daripada Anas bin Malik RA berkenaan rukhsah yang diberikan Rasulullah ﷺ kepada Abdul Rahman bin Auf dan Zubair bin Al Awwam RA untuk memakai pakaian sutera disebabkan penyakit gatal dan kutu yang menimpa mereka (Muslim, 1955).

Melalui subtopik ini, Ibn Qayyim al-Jauziyyah mengulas hadis berdasarkan aspek *fiqh* dan ilmu perubatan. Beliau menjelaskan berkenaan kewujudan hadis berkaitan keharusan pemakaian sutera buat kaum wanita dan pengharamannya buat kaum lelaki melainkan dalam situasi mendesak (Al-Nasai, 1986). Keperluan mendesak yang telah dijelaskan adalah hanya khusus kepada beberapa perkara sahaja, seperti kesejukan melampau, atau ketiadaan pakaian lain, atau disebabkan sakit seperti gatal, kutu, kudis buta dan sebagainya (Al-Jauziyyah, n.d.).

Disebabkan wujudnya sedikit percanggahan dalam kedua-dua hadis ini, Ibn Qayyim al-Jauziyyah menjelaskan beberapa perbezaan pandangan ulama dalam isu ini. Pandangan pertama ialah golongan yang menjadikan hadis Anas sebagai dalil keharusan pemakaian sutera buat lelaki. Ini merupakan pandangan paling sahih dalam mazhab Hanbali (Ibn Taimiyyah, 1949) dan Syafi'i (Al-Khin et al., 1992), yang menjelaskan bahawa pada asalnya jelas haram bagi lelaki untuk memakai sutera, namun disebabkan wujudnya rukhsah dan pengkhususan hukum yang disebut dalam hadis Anas, maka sesuatu hukum akan menjadi umum berdasarkan sebab pensyariatannya. Pandangan kedua pula menyimpulkan bahawa hadis Anas tidak boleh menjadi dalil keharusan pemakaian sutera buat lelaki. Ini kerana hadis pengharaman pemakaian sutera buat lelaki ialah bersifat umum, manakala hadis Anas mengandungi kebarangkalian pengkhususannya buat Abdul Rahman bin Auf dan Zubair bin al-Awwam sahaja, atau kepada selainnya juga. Maka berpegang kepada hukum asal yang bersifat umum adalah lebih tepat.

Pandangan terpilih menurut Ibn Qayyim al-Jauziyyah ialah pendapat pertama, yang menyatakan keharusan pemakaian sutera buat mana-mana lelaki atas sebab dan keperluan mendesak dan keharusannya tidak terhad kepada Abdul Rahman bin Auf dan Zubair sahaja. Beliau berpegang dengan pendapat ini atas dua sebab utama. Pertama, hadis Anas itu menunjukkan keumuman rukhsah. Kebiasaannya, nas yang tidak meletakkan pengkhususan yang jelas dan tidak memberikan pengecualian kepada yang lain, menyebabkan hadis ini dianggap menjelaskan rukhsah secara umum kepada seluruh umat manusia. Kedua, pengharaman sutera kepada lelaki bersifat *sadd al-zari'ah*, disebabkan itu diharuskan untuk wanita. Maka keharusan penggunaannya untuk lelaki pada keperluan mendesak juga dianggap sebagai sebahagian daripada kefahaman konsep ini (Al-Jauziyyah, n.d.).

KESIMPULAN

Tuntasnya, Ibn Qayyim al-Jauziyyah telah memaparkan kesarjanaannya dalam bidang *fiqh*, melalui penelitian terhadap karyanya “*Al-Tibb al-Nabawi*”. Beliau dilihat menggabungkan elemen perubatan dan diskusi *fiqh* yang ringkas bagi menyempurnakan manfaat yang boleh diperoleh oleh para pembaca. Fokus terhadap analisis *fiqh* ini amat jarang dibincangkan dalam karya seumpamanya. Selain itu, terdapat tiga isu *fiqh* utama yang diketengahkan bagi memaparkan kesarjanaan Ibn Qayyim al-Jauziyyah, iaitu kesucian air kencing haiwan yang dimakan dagingnya, bagaimana berbekam mempengaruhi puasa dan keumuman rukhsah penggunaan sutera oleh lelaki atas sebab tertentu yang mendesak. Ibn Qayyim al-Jauziyyah menilai setiap isu *fiqh* berdasarkan pertimbangan *fiqh al-hadith* yang kelihatan sering cenderung terhadap pandangan terpilih menurut mazhab Hanbali. Meskipun begitu, beliau tidak sama sekali memutuskan sesuatu pandangan sebagai *rajih* (terpilih) melainkan selepas membentangkan hujah dan pendalilan yang tuntas terhadap isu yang diketengahkan. Hal ini memaparkan kesarjanaan beliau dalam perbahasan *fiqh* dan tidak hanya berpada dengan *taqlid fiqhi* tanpa sebarang penelitian terhadap kekuatan dalil dan hujah.

RUJUKAN

- Abū ‘Abdullāh Muḥammad ibn Ismā‘īl, & Al-Bukhārī. (2002). Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. In *Al Jami’ Al Musnad As Shahih*.
- Al-Andalusi, Ibn Habib. 2007. *Tibb al-’Arab*. Tahqiq: Badr al-’Umrani. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Bar, M. A. (1992). *Mausu’ah al-Tibb al-Nabawi*.
- Al-Bayyumi, A. ‘Ayyasyah. (2014). *Al-’Aqd al-Mufrad fi al-Fiqh ‘ala Madhhab al-Imam Ahmad* (F. M. Sit (ed.)). Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Dinwari, Ibn al-Sunni. 2016. Manuskrip Mukhtasar al-Tibb al-Nabawi. <https://www.alukah.net/library/0/980>
- Al-Jauziyyah, I. Q. (n.d.). *Al-Tibb al-Nabawi*. Beirut: Dar al-Hilal.
- Al-Khin, M., Al-Bugha, M., & Al-Syarbaji, ‘Ali. (1992). *al-Fiqh al-Manhaji*. Damascus: Dar al-Qalam.
- Al-Ishbahani, Abu Nu’aim. 2006. *Mausu’ah al-Tibb al-Nabawi*. Tahqiq: Mushtafa al-Turki. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Maqdisi, I. Q. (1997). *al-Mughni* (‘Abdullah al-Turkiy & ‘Abd al-Fattah Al-Hilw (ed.)). Riyadh: Dar ‘Alim al-Kutub.
- Al-Mawardi, ‘Ali bin Muhammad. (1999). *Al-Hawi al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-’Ilmiyyah.

- Al-Nasai, A. bin S. (1986). *Sunan al-Nasa'i* ('Abd al-Fattah Abu Ghuddah (ed.)). Aleppo: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah.
- Al-Nasimi, M. N. (1984). *Al-Tibb al-Nabawi wa al-'Ilm al-Hadith*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Nawawi, Y. bin S. (1991). *Raudah al-Talibin wa 'Umdah al-Muftin* (Z. Al-Syawisy (ed.)). Beirut: Al-Maktab al-Islamiy.
- Al-Syarbini, M. al-K. (1958). *Mughni al-Muhtaj*. In 2.
- Atabik, A. (2023). SCIENTIFIC MIRACLES OF GRAPES IN THE QUR'AN AND HADITH: Perspectives on Religious Studies and Herbal Treatment. *Riwayah : Jurnal Studi Hadis*. <https://doi.org/10.21043/riwayah.v8i2.16228>
- Azizian, M. (2023). A Historiographical Analysis of Al-Tibb al-Nabawī (Prophetic Medicine) Texts Based on the Goals of Their Compilation in the 5th to 8th Centuries AH. *Journal of Research on History of Medicine*.
- Ibn Hanbal, A. (2001). *Musnad Ahmad*. Muassasah al-Risalah.
- Ibn Taimiyyah, M. al-D. A. al-B. (1949). *Al-Muharrar fi Al-Fiqh 'ala Madhhab al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Kaherah: Matba'ah al-Sunnah al-Muhammadiyyah.
- Mohd Hamdan, M. A. (2021). *Athar Tatawwur 'Ilm al-Tib fi al-Ta'amul ma'a Ahadith al-Tibb al-Nabawi*.
- Mohd Hamdan, M. A., Abdul Rahman, M. Z., & Faisal, M. S. (2023). Perkembangan Khidmat Ilmiah Terhadap Hadis-Hadis Al-Tib Al-Nabawi: Analisis Sistematis. *Journal of Hadith*, 9(2).
- Muslim. (1955). *Shahih Muslim* (M. F. 'Abd Al-Baqi (ed.)). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.